

22 AUG 2000

UMNO SABAH SEBULAT SUARA MAHU PENGGILIRAN JAWATAN KM DIMANSUHH

KOTA KINABALU, 22 Ogos (Bernama) -- Umno Sabah telah sebulat suara membuat pendirian mahukan sistem penggiliran jawatan ketua menteri Sabah dihentikan.

Ketua Penerangan Umno Sabah Datuk Karim Ghani berkata hari ini keputusan membuat pendirian berkenaan dicapai pada mesyuarat badan perhubungan Umno Sabah di Tawau, Ahad lepas.

Pendirian berkenaan akan disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, pada masa yang sesuai, kata Karim pada persidangan berita di sini.

Menurutnya, badan perhubungan membuat pendiriannya mengenai perkara itu ekoran kenyataan Perdana Menteri bulan lepas untuk menyerahkan kepada rakyat Sabah sama ada mereka mahu sistem itu diteruskan atau sebaliknya.

"Umno akan menyampaikan pandangan ini dengan disertai alasan yang cukup kenapa sistem itu tidak lagi perlu diteruskan," katanya.

Sistem berkenaan dilaksanakan sejak 1994 bagi membolehkan pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- bumiputera Islam, Cina dan bumiputera bukan Islam -- untuk menjadi ketua menteri secara bergilir-gilir untuk tempoh dua tahun.

Jika sistem itu diteruskan tempoh bagi Ketua Menteri sekarang Datuk Osu Sukam akan berakhir pada Mei tahun depan.

-- BERNAMA

JS NMO